

**Teruskan Kepercayaan, Keyakinan Dan Harapan Terhadap Najib, Kata Pemimpin Politik  
Bernama  
9 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Kaum India digesa supaya terus meletak kepercayaan, keyakinan dan harapan mereka terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak, memandangkan perdana menteri seorang pemimpin berdedikasi yang sentiasa mengutamakan kehendak rakyat.

Beberapa pemimpin parti politik berpendapat Najib, yang mengambil alih kepimpinan negara pada 2009, tidak pernah mengabaikan kaum India dalam semua agenda transformasi beliau, dan membantu menyelesaikan banyak masalah tertunggak yang dihadapi seperti dokumen pengenalan diri, pendidikan dan peluang pekerjaan dalam sektor awam.

Setiausaha Agung MIC Datuk S Murugesan berkata perdana menteri berpegang kepada janjinya untuk memberi kaum India pembahagian yang adil dalam menaik taraf kehidupan kaum berkenaan dengan meletak asas dalam semua aspek transformasi politik, ekonomi dan pentadbiran.

"Perkataan 'nambikei' membawa kepercayaan dan harapan. Sehingga hari ini, PM tidak mengecewakan kaum India, dan memperkenalkan pelbagai langkah serta inisiatif untuk meneliti masalah serta mengurangkan bebanan yang dihadapi kaum India.

"Sehubungan itu, kaum ini perlu memperkukuhkan sokongan dan memberi mandat kukuh kepada PM dan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum akan datang," katanya kepada Bernama ketika diminta mengulas gesaan Najib kepada kaum India agar meletakkan 'nambikei' mereka terhadap BN untuk memberi harapan lebih baik kepada masa depan mereka.

Perdana menteri bercakap dalam wawancara khas dengan edisi Tamil program 'Helo Malaysia' terbitan BernamaTV menerusi Astro Saluran 502. Wawancara itu dikendalikan wartawan Bernama K. Ghandi dan Michael Savarimuthu.

Turut berkongsi pendapat, Ketua Penerangan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) wilayah Persekutuan Datuk A Chandrakumanan yang berkata kaum India meraih banyak manfaat daripada kepimpinan Najib, misalnya peningkatan peruntukan bagi sekolah Tamil, tempat untuk program matrikulasi, penawaran skim pinjaman untuk membeli teksi dan pengeluaran semula lesen pengedar besi buruk.

"Apabila PM Najib berjanji bahawa kaum India akan dibawa ke arus perdana, beliau menunaikan janjinya kerana sebagai pemimpin, beliau amat menyedari bahawa kaum itu akan membantu memperkasakan kerajaan untuk terus membawa kemajuan dan pembangunan kepada negara ini," katanya.

Sejak 2008, antara lain, di bawah kepimpinan perdana menteri, Kerajaan Persekutuan menyalurkan kira-kira RM540 juta kepada sekolah Tamil, RM150 juta pinjaman mikro-kredit kepada usahawan muda India di bawah Skim Pembangunan Usahawan Muda India.

"Hari ini, kaum ini dapat melihat sejauh mana PM telah menyelesaikan dan membawa transformasi terhadap keperluan kaum ini. Sehubungan itu, jika kaum India terus memberi

beliau mandat, maka PM boleh menerajui negara ke arah masa depan lebih baik," tegas beliau.

Sambil menggesa kaum India supaya memberi sokongan padu kepada Najib, bekas Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu berkata negara belum pernah melihat seorang perdana menteri yang membaktikan hidupnya kepada rakyat.

"Perdana menteri telahpun membentangkan inisiatif baharu kepada kaum India di negara ini dan kita telahpun melihat hasilnya. Ini mesti dan perlu diteruskan.

"Kaum India kini mesti memberi sokongan padu dan tidak berbelah bahagi kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang bagi memastikan Najib terus menerajui kerajaan dan menunaikan janjinya," katanya kepada pemberita selepas bertemu pengundi di Sungai Siput, Perak, hari ini.

Naib Presiden Gerakan Senator A Kohilan Pillay berkata rakyat yang menyukai gaya dan kepimpinan Najib mesti memberi sokongan padu sekiranya mereka mahu beliau membawa lebih banyak kemakmuran kepada negara menerusi pelbagai program transformasi.

"Rakyat perlu faham bahawa setiap calon akan bertanding di bawah panji-panji BN. Jika BN mendapat mandat yang padu daripada rakyat pada pilihan raya umum ke-13, ini akan membolehkan PM membawa pencapaian yang lebih gemilang bagi rakyat dan negara," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940766>